

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 10

## Ibu tunggal di Malaysia hampir 1 juta



Depan dari kiri: Ismail Sabri, Mohd Uzir dan Mustapa menunjukkan Laporan Banci Malaysia 2020 ketika melawat rerual pameran sempena pelancaran laporan itu di MSU, Shah Alam pada Isnin.

## Ibu tunggal di Malaysia hampir 1 juta

SHAH ALAM - Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2020 (Banci Malaysia 2020) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merekodkan jumlah ibu tunggal di negara ini hampir mencecah 1 juta orang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, ia menyaksikan jumlah ibu tunggal itu meningkat berbanding tahun 2010. "Kini terdapat seramai 910,091 orang ibu tunggal di negara ini.

"Ia bersamaan dengan 8.3 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di negara ini," katanya. Mengulas lanjut, Mustapa ber-

kata, satu perkara yang menarik ialah apabila didapati daripada keseluruhan 32.4 juta penduduk di negara ini berdasarkan bancian, hanya 2.7 juta adalah warga asing.

"Mungkin ada pertikaian tentang jumlah ini, tetapi inilah angka yang sebenarnya.

"Ini ada kaitan dengan wabak Covid-19 juga apabila ada beberapa ribu warga asing telah balik ke negara masing-masing," jelasnya.

Ujar Mustapa, bancian juga mendapati bilangan rakyat Malaysia berusia 60 tahun ke atas ialah 10.3 peratus manakala 6.8 peratus berusia 65 tahun ke atas.

Menurutnya, angka itu adalah

satu penemuan yang penting dalam konteks negara Malaysia menjadi negara yang menua.

"Mengikut jangkaan menjelang tahun 2030, bilangan ini akan bertambah apabila warga emas berusia 65 tahun ke atas akan mencecah 4.1 juta atau lebih 10.7 peratus.

"Ini perkara yang penting bila kita menggubal dasar. Maknanya kita kena bersiap sedia kepada situasi Malaysia sebagai negara menua.

"Ini fenomena di seluruh dunia dan apa yang perlu diambil kira dari segi pelaburan kerajaan dari segi kesihatan, pendidikan dan perumahan umpamanya," ujarnya.